UUM/AD09/BH/23.09.2005/p: B14(2)

Ijazah kehormat untuk bekas Naib Canselor UUM

BH 23/9/05 B14:2

BEKAS Naib Canselor kelima Universiti Utara Malaysia (UUM), Allahyarham Brig Jen Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Pembangunan) sempena Majlis Konvokesyen ke-18 universiti itu, esok.

Naib Canselor UUM, Datuk Dr Nordin Kardi, berkata penganugerahan ijazah yang akan diterima isteri Allahyarham, Datin Aishah Ibrahim, sebagai menghargai jasa dan pengorbanan beliau dalam membangunkan universiti itu.

Katanya, Allahyarham yang juga antara pengasas UUM dan terbabit dalam pasukan petugas universiti pengurusan itu memulakan kariernya sebagai tutor pada 1984.

Sementara itu, pendakwah bebas dan Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr Muhammad 'Uthman El-Muhammady pula dipilih penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Kerja Sosial).

Beliau berkata, 6,192 graduan akan menerima ijazah sempena konvokesyen kali ini dan daripada jumlah itu 15 ijazah doktor falsafah, 569 sarjana dan 5,608 lagi sarjana muda.

Katanya, seramai 71 graduan luar negara, iaitu 43 dari Thailand, Indonesia (16), Kemboja (5), Libya (4) dan masing-masing seorang dari Yaman, Jordan serta Korea, turut menerima ijazah.